

# PERANAN MASJID DALAM MEMACU PEMERKASAAN KOMUNITI MELALUI TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT DI MALAYSIA

**THE ROLE OF MOSQUES IN PROMOTING COMMUNITY EMPOWERMENT THROUGH CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY IN MALAYSIA**

**Md. Saufi Abdul Hamid<sup>1\*</sup>**

**Noor Syahidah Mohamad Akhir<sup>2</sup>**

**Farahdina Fazial<sup>3</sup>**

**Sakinatul Raadiyah Abdullah<sup>4</sup>**

**Ahmad Yumni Abu Bakar<sup>5</sup>**

**Mohd Muhaizam Md Ishak<sup>6</sup>**

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, (UiTM), Malaysia (E-mail: mdsau633@uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, (UiTM), Malaysia (E-mail: noorsyahidah9177@uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, (UiTM), Malaysia (E-mail: farahdinafazial@uitm.edu.my)

<sup>4</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, (UiTM), Malaysia (E-mail: sakinatulraadiyah@uitm.edu.my)

<sup>5</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, (UiTM), Malaysia (E-mail: yumni705@uitm.edu.my@uitm.edu.my)

<sup>6</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, (UiTM), Malaysia (E-mail: muhaizam@uitm.edu.my@uitm.edu.my)

\*corresponding author

## Article history

**Received date** : 25-8-2024

**Revised date** : 26-8-2024

**Accepted date** : 20-10-2024

**Published date** : 25-10-2024

## To cite this document:

Md. Saufi, A. H., Noor Syahidah, M. A., Farahdina, F., Sakinatul Raadiyah, A., Ahmad Yumni, A. B., & Mohd Muhaizam, M. I. (2024). Peranan masjid dalam memacu pemerkasaan komuniti melalui tanggungjawab sosial korporat di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (67), 184 - 195.

**Abstrak:** Masjid merupakan sebuah institusi penting dalam Islam. Pembinaan masjid bermula sejak perkembangan awal tamadun Islam. Pembinaan masjid pesat di seluruh dunia yang memiliki kepesatan penduduk Muslim khusus di kawasan tertentu. Masjid boleh dilihat mampu diperkasa dan diinovasikan menjadi sebuah institusi unggul jika di urus tadbir secara pintar. Artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti peranan masjid sebagai agen sosial dalam memperkuuh solidariti dan kesejahteraan masyarakat melalui pendekatan CSR. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan metod dokumentasi dengan analisis kandungan berkaitan masjid dan tanggungjawab sosial korporat. Hasil kajian mendapati masjid berpotensi untuk menjadi penyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi, menangani isu kemiskinan, pendidikan dan kesihatan.

**Kata Kunci:** *Masjid, Komuniti, Pemerkasaan, Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).*

**Abstract:** *A mosque is an important institution in Islam. The construction of mosques began during the early development of Islamic civilization. Mosques have proliferated around the world, particularly in areas with significant Muslim populations. Mosques can be empowered and innovated into a leading institution if managed intelligently. This article aims to identify the role of mosques as social agents in strengthening community solidarity and well-being through a CSR approach. This study is qualitative research using documentation methods with content analysis related to mosques and corporate social responsibility. The findings indicate that mosques have the potential to contribute to social and economic development, address issues of poverty, education, and health.*

**Keywords:** *Mosque, Community, Empowerment, Corporate Social Responsibility (CSR)*

## Pendahuluan

Di era kontemporari masyarakat hari ini hanya melihat masjid sebagai tempat ibadah khusus dalam kehidupan muslim semata-mata. Persepsi sedemikian perlu diubah agar seluruh masyarakat memahami matlamat sebuah masjid dan menyedari pentingnya peranan sebuah masjid dalam membangunkan survival ummah. Masjid bukan sekadar lambang dan syiar dalam kehidupan umat Islam malahan lebih penting dari itu di mana masjid adalah ikon dan pusat sumber kegiatan aktiviti masyarakat muslim. Justeru itu kehebatan sesebuah masjid bukanlah bergantung kepada senibinanya semata-mata tetapi ia melihat kepada sejauhmana tahap pengimarahannya. Oleh itu, umat Islam seharusnya memantapkan lagi peranan masjid dalam usaha membangunkan ummah yang cemerlang memandangkan hubungan masyarakat Islam dan masjid tidak boleh dipisahkan kerana saling berkait dan saling memerlukan di antara satu sama lain. ((Nor Azlina Abd. Wahab et al., 2016; Mohamad Bazli Md Radzi et al., 2023; Jusoh et al., 2022; Ismail et al., 2024)).

Dari sudut bahasa masjid bermaksud, bangunan khas tempat orang Islam beribadat. (Noresah, B. (2007). Definisi lain ia sama erti dengan perkataan al-Khumrah yang membawa erti hamparan (tikar) yang kecil. Perkataan masjid diambil dari kata kerja bahasa Arab iaitu sajada bererti sujud, maka salah satu makna masjid ialah tempat sujud. (Muhammad, t.th). Manakala masjid dari segi bahasa bermaksud tempat sujud. (kamus al- Munjid, 2001). Seterusnya masjid ialah sesuatu tempat yang dikhususkan untuk umat Islam menunaikan solat secara berkekalan dan berterusan samada solat fardu, solat Jumaat dan sebagainya. (Muhammad Rawwas Qalaji et al, 1985).

Pada peringkat awal penyebaran agama Islam di Madinah, masjid merupakan institusi ilmu dan maklumat yang terpenting. Ianya juga merupakan pusat maklumat rasmi Kerajaan, tempat persidangan duta-duta serta pusat penyelidikan dan pentebaran maklumat di kalangan para sahabat. Di antara masjid-masjid yang telah dibina oleh Rasulullah di Madinah ialah Masjid Quba', Masjid al-Mirbad dan Masjid al-Nabawi. (Siti Fatahiyah Mahamood, 2003). Selain itu, golongan fakir miskin turut ditempatkan di suatu ruang di dalam Masjid Nabawi sebagai bukti yang menunjukkan bahawa masjid juga turut berperanan sebagai pusat kebaikan kepada umat Islam. Sejarah kegemilangan Islam telah membuktikan bahawa kecemerlangan umat Islam melalui budaya ilmu juga adalah berpusat di masjid. Masjid Quba adalah bukti masjid sebagai institusi kegiatan ilmu apabila Rasulullah SAW sendiri memberi khutbah dan membuat halaqah di samping para sahabat duduk mengelilingi baginda dan melakukan soal jawab. Aktiviti

sedemikian terus berjalan di Masjid Nabawi, Masjidil Haram, Masjid Kufah, Masjid Basrah dan banyak lagi (Abdul Razak et al., 2010). Kesinambungan corak pemerintahan ini berterusan sehingga kepada pemerintahan Khulafa' Ar-Rasyidin. Secara amnya, masjid telah menjadi pusat pemerintahan dan pentadbiran umat Islam. Selain daripada itu, masjid juga berfungsi sebagai pusat penerangan politik, perang, ekonomi, sosial, keilmuan dan pengkhabaran sesuatu berita (Admin PMWP, 2019).

Pada zaman Kerajaan Bani Umayyah, masjid banyak dibina di wilayah yang penganutnya baru memeluk ajaran Islam. Peranan dan fungsi masjid pada zaman Umayyah adalah masih sama sebagaimana fungsi masjid Ketika zaman Rasulullah SAW dan khulafa ar-rasyidin. Selain menjadi tempat pelaksanaan ibadah, masjid juga berperanan sebagai pusat kepada aktiviti masyarakat yang berbentuk ilmiah. Peranan masjid di zaman Rasulullah SAW dan para sahabat diperkasakan lagi ketika era Bani Abbasiyyah. fungsi masjid diperkembangkan lagi bagi melahirkan masyarakat yang cerdik pandai melalui penyediaan kemudahan dan fasiliti pendidikan yang lengkap seperti ruang perpustakaan yang dilengkapi dengan bahan bacaan dan rujukan ilmiah dari berbagai latar belakang. Di samping itu, di masjid juga berlangsungnya halaqah-halaqah dan diskusi ilmu oleh para alim ulama dan ilmuan Islam. (Mohamad Bazli Md Radzi et.al, 2023).

Di Malaysia, sejarah telah membuktikan kewujudan masjid sebagai sebuah institusi yang penting di Zaman Kesultanan Melayu Melaka di mana masjid dan surau berfungsi sebagai pusat pembelajaran dan penyebaran agama Islam (Mohd Roslan & Wan Mohd, 2011). Jelas sekali dalam catatan sejarah bahawa masjid telah memainkan peranan penting ke arah pembangunan insan dan masyarakat serta kegemilangan tamadun Islam itu sendiri. Sejarah tercatat dengan jelas bahawa masjid memiliki peranan penting dalam pembangunan individu dan masyarakat, serta dalam memajukan kegemilangan tamadun Islam. (Norita Kamaruddin, 2023).

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah menjadi perhatian dan semakin banyak diamalkan oleh organisasi di Malaysia. Secara prinsipnya, CSR merupakan intepretasi kebertanggungjawaban organisasi terhadap pihak tertentu yang meliputi pelbagai aspek seperti pendidikan, keselamatan, penjagaan alam sekitar, sumbangan, kesihatan dan sebagainya. Pada awalnya, sarjana barat seperti Davis mentafsirkan CSR sebagai pertimbangan dan tanggungjawab firma terhadap isu di luar daripada aspek ekonomi, teknikal dan keperluan peraturan dalam organisasi. CSR juga merupakan darjah kesesuaian antara harapan masyarakat terhadap komuniti perniagaan dan etika perniagaan. Hal ini adalah berkaitan dengan tanggungjawab organisasi yang merangkumi pembangunan mapan, layanan kepada pekerja dan masyarakat di mana organisasi beroperasi secara bermoral (Azlinda Boheran Nudin, 2016). Oleh kerana itu, adalah menjadi kewajiban umat Islam untuk mempromosikan masjid sebagai pusat penyatuan umat dan menghidupkan kembali peranan masjid melalui berbagai aktiviti keagamaan. Selain itu, pihak pengurusan masjid hendaklah berkolaborasi dengan agensi-agensi korporat, dengan ada kerjasama yang terjalin akan memberikan kebaikan kepada komuniti setempat seperti program membersihkan kawasan masjid, sumbangan kepada asnaf zakat, menyantuni anak yatim, festival jom ke masjid, sukan masjid, tasyen percuma dan sebagainya. Diharapkan dengan diadakan program-program sedemikian dapat menarik sebanyak mungkin golongan muda ke masjid dan memperlihatkan kepada masyarakat bukan Islam bahawa masjid bukanlah tempat untuk beribadat semata-mata tetapi sebagai pusat sehenti untuk pelbagai golongan.

## Kajian Lepas

Ada dua perkara yang akan dibincangkan dalam kajian lepas iaitu:

### Peranan Masjid

Masjid sinonim dengan institusi pengibadatan atau rumah ibadah dalam agama Islam. Dalam sejarah perkembangan tamadun Islam, masjid merupakan sebuah institusi yang mempunyai peranan yang sangat besar. Penghijrahan Nabi Muhammad SAW ke Yathrib atau Madinah al-Munawwarah telah memberi impak yang besar dalam sejarah perkembangan awal peradaban Islam. Perkara yang diimplementasikan oleh Rasulullah SAW bukan sahaja mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar (Perpaduan) dan menggubal piagam Madinah atau sahifah Madinah (perundangan), tetapi turut membina masjid (Istiqlomah & Elyvia WidyaSwarani, 2022). Masjid awal yang dibina dalam Islam adalah masjid Quba'. Masjid ini dibina dengan keadaan sederhana sahaja iaitu terdiri daripada batang dan pelepas tamar serta batuan merah. Walaupun kekurangan dari infrastruktur dan fasiliti, namun fungsinya cukup berkesan dalam melahirkan generasi unggul (Abdul Shukor, 2008).

Masjid ketika itu sebagai pusat (*center*) bukan sahaja untuk pengibadatan tetapi lambang kesatuan ummah dalam kegiatan pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, pentadbiran, pendidikan, kehakiman, pusat penerangan dan maklumat, pusat rawatan dan kecemasan, sosial dan kebaikan (Ab. Halim Tamuri, 2021). Menurut Lokman (2000), perkembangan masjid berkembang luas dengan diikuti masjid awal dalam Islam seperti Masjid An-Nabawi, Masjid Al-Haram, Masjid Jami' Cardova dan Masjid Al –Azhar.

Ketika zaman Khulafa' al-Rasyidin peranan masjid diluaskan dengan berfungsi sebagai tempat peristiwaran khalifah. Saidina Abu Bakar AS telah di baiahkan sebagai khalifah pertama di masjid. Manakala Saidina Uthman AS telah memberi penjelasan di dalam masjid berkaitan fitnah yang dilemparkan kepada Nabi Muhammad SAW (Ab. Halim Tamuri, 2021). Perkembangan penubuhan masjid berkembang seiring dengan perkembangan Kerajaan-kerajaan Islam iaitu ketika zaman Umayyah di Damsyik, zaman Abasiyyah seperti Masjid Amru di Mesir, Masjid Basrah, Kufah, al-Harun (Ab. Halim Tamuri, 2021).

Pembinaan masjid, seni bina, fungsi masjid lebih berkembang luas. Kemasukan Islam ke Nusantara telah mengubah corak kehidupan masyarakat di rantau ini. Masjid dilihat dalam kuantiti mengikut bilangan qariah atau tempat huni masyarakat. Corak reka bentuk masjid di alam Melayu juga mempunyai nilai estetika yang menarik hasil adaptasi interaksi masyarakat Melayu dengan tamadun-tamadun luar seperti Timur Tengah, China dan India. Antara masjid seperti Masjid Kampung Hulu Melaka, Masjid Kampung Laut Kelantan (M. Surat, N.A.G. et.al, 2011).

Masjid mempunyai peranan yang sangat besar khusus di era kontemporari. Berdasarkan artikel yang ditulis oleh Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, Norajila Che Man (2016), peranan masjid adalah sebagai pusat keilmuan dan kegiatan keislaman, menyusun struktur kerja masjid dan imam yang ideal, pusat kebaikan dan kaunseling, pusat teknologi maklumat (ICT), pusat kegiatan wanita, remaja dan kanak-kanak, nadi ekonomi dalam masyarakat setempat, pusat penginapan pelancong Islam, masjid mesra orang kelainan upaya (OKU)(Nor Azlina Abd. Wahab et.al., 2016).

Tidak terhenti di situ, masjid seharusnya mempunyai suatu usaha inovasi dalam membantu masyarakat. Antara usaha yang diadakan adalah seperti program kesukarelawanan dan

kemasyarakatan, pemeliharaan alam sekitar, aktiviti kesihatan dan kesejahteraan, pendidikan dan latihan, penyediaan bantuan sosial (Ali, M., 2017 & Khan, S., 2018).

### Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Masjid merupakan lambang kekuatan umat Islam yang sebenar. Ibnu Khaldun dalam kitab *Muqaddimah* menyebut bahawa pengurusan masjid yang cemerlang pada awal kebangkitan Islam telah melahirkan ramai tokoh ulama. Menurut Wahid, H., et al., (2009), pembentukan modal sosial juga merupakan satu elemen penting dalam menyumbang kepada kekuatan masjid bergantung kepada keaktifan dalam menganjurkan program kemasyarakatan seperti ceramah, kuliah, dialog, kursus, gotong-royong dan aktiviti sosial yang lain. Kajian mengenai Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh masjid di Malaysia adalah topik yang semakin mendapat perhatian, terutama dalam konteks masyarakat yang beragama Islam dan peranan penting masjid dalam kehidupan seharian. Kajian-kajian lepas berkaitan dengan CSR oleh masjid di Malaysia menekankan peranan masjid bukan sahaja sebagai institusi keagamaan tetapi juga sebagai entiti sosial yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat melalui pelbagai inisiatif sosial dan ekonomi.

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh masjid adalah penting untuk memahami bagaimana institusi keagamaan ini memainkan peranan dalam pembangunan sosial dan ekonomi komuniti. Menurut Remly, M. R., Sabaruddin, S. N. A., & Adenan, F. (2024), CSR yang sering kali dilaksanakan di Malaysia adalah melibatkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan amal, pendidikan, kesihatan, dan persekitaran. Hal ini selari dengan kajian daripada Yacob, Y. B., et., al (2023) yang turut menyatakan bahawa penekanan terhadap CSR di Malaysia juga dipengaruhi oleh prinsip-prinsip Islam, yang mendorong kepada keadilan sosial dan kesejahteraan komuniti. Secara umumnya, CSR juga dikenali sebagai satu kewajiban yang bukan hanya terhad kepada sektor korporat tetapi juga melibatkan individu dan institusi seperti masjid. Nilai-nilai seperti keadilan, kebijakan, dan kesejahteraan sosial adalah asas kepada pelaksanaan CSR dalam memastikan elemen kesejagatan dan membawa manfaat dapat dilakukan.

CSR melalui pendekatan masjid merupakan satu evaluasi penting yang menjadi satu pusat komuniti yang mengatur dan melaksanakan pelbagai aktiviti CSR. Kajian oleh Jusoh, M. S. M., Jamaludin, A. K., & Samah, M. N. (2022) menunjukkan bahawa masjid bukan sahaja menjadi pusat ibadah, tetapi juga menjadi pusat aktiviti sosial yang bertujuan untuk memperbaiki kehidupan masyarakat. Hal ini selari dengan kepelbagaian aktiviti yang dilakukan di masjid seperti pengagihan zakat, pemberian bantuan pendidikan, kesihatan, dan perkhidmatan sosial lain. Kajian oleh Khairani Zakariya @ Abd Hamid, Suhaila Abdullah & Md Saufi Abdul Hamid (2023) turut memperakui bahawa program masjid banyak memberi impak dan sumbangan positif kepada jemaah dan komuniti setempat sekiranya dirancang dan dilaksanakan secara sistematik dan tersusun. Jika kena caranya, program masjid mampu membangunkan jiwa insan dan masyarakat setempat.

Kajian daripada Ismail, A. G., et al., (2024) turut menekankan bahawa pada era kontemporari kini, fungsi institusi sesebuah masjid seharusnya tidak terhad sebagai tempat ibadat semata-mata, malah peranan masjid seharusnya melangkaui sempadan iaitu masjid seharusnya berperanan sebagai pusat pembangunan masyarakat Islam yang berdaya saing. Kajian ini selari dengan kajian Abd Wakil, M. N., Ab Rahman, A., & Baharuddin, A. S. (2024) yang turut menyatakan bahawa Islam sebagai agama yang lengkap telah menunjukkan bahawa peranan masjid bukan sahaja vital dalam menyuburkan kerohanian Muslim, bahkan boleh menyumbang

kepada pembangunan ekonomi masyarakat setempat khususnya. Masjid tidak seharusnya terhenti dan statik fokusnya kepada pembangunan rohani masyarakat semata-mata bahkan boleh sama-sama menjadi pusat pembangunan dan inisiatif CSR sekaligus dapat menyumbang kepada pembangunan lestari melalui aktiviti CSR, khususnya dalam bidang pendidikan, kesihatan, dan pengurusan alam sekitar.

Hakikatnya, pemerkasaan komuniti melalui CSR oleh masjid turut dikaji dan daptan turut menunjukkan bahawa pelaksanaan ini mempunyai kesan yang positif dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti. Hal ini selari dengan dapatan kajian daripada Shahbuddin, Z. H. S., & Gunardi, S. (2023) yang turut menyatakan bahawa masjid yang aktif dalam CSR dilihat sebagai agen perubahan sosial yang penting dalam masyarakat dan menunjukkan bahawa CSR oleh masjid adalah satu bidang yang penting dalam konteks pembangunan komuniti dan sosial di Malaysia. Masjid memainkan peranan yang semakin penting sebagai pusat pelaksanaan CSR yang bukan sahaja berfungsi sebagai institusi keagamaan tetapi juga sebagai agen pembangunan sosial. Maka, peranan masjid dalam memacu pemerkasaan komuniti melalui CSR merupakan satu kajian yang menunjukkan potensi besar masjid dalam menyumbang kepada kesejahteraan komuniti.

### Metodologi

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif. Reka bentuk kajian kualitatif bersesuaian dengan bidang sains sosial seperti historiografi, etnografi, dan sosiologi kualitatif. Menurut Creswell (2014), kajian kualitatif adalah pendekatan untuk meneroka dan memahami makna yang diberikan oleh individu atau kumpulan terhadap masalah sosial atau kemanusiaan. Analisis data kualitatif adalah salah satu langkah terpenting dalam proses penyelidikan kualitatif kerana ia membantu penyelidik memahami data kualitatif mereka (Leech & Onwuegbuzie, 2007). Sumber utama data kualitatif adalah pemerhatian, temu bual, soal selidik, semakan dokumen dan bahan audio-visual (McMillan & Schumacher, 2014). Dalam kajian ini, pengkaji hanya menggunakan dokumen-dokumen berkaitan Masjid dan tanggungjawab sosial korporat bagi mendapatkan maklumat berkaitan. Kajian dianalisis menggunakan analisis kandungan. Menurut Shava et.al, (2021), matlamat analisis kandungan kualitatif adalah untuk mengenal pasti tema atau kategori penting dalam kandungan. Hasil analisis kandungan kualitatif dapat menyokong pembangunan teori dan model baharu, serta mengesahkan teori sedia ada dan memberikan gambaran mendalam tentang latar atau fenomena tertentu.

### Dapatan

Kajian ini mendapati peranan masjid dalam memacu pemerkasaan komuniti melalui CSR adalah seperti berikut:

#### Pusat Pembangunan Sosial dan Ekonomi

Masjid mempunyai potensi menjadi pusat pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat setempat. Melalui inisiatif CSR yang diambil, masjid boleh menjalankan pelbagai program pembangunan kemahiran, latihan keusahawanan dan aktiviti ekonomi yang akhirnya akan memberi manfaat kepada komuniti (Ismail et al., 2024). Antara inisiatif yang boleh diambil ialah seperti menganjurkan kursus kemahiran teknikal, perniagaan kecil-kecilan atau koperasi kariah yang dapat menjana pendapatan untuk ahli komuniti. Inisiatif Ini selari dengan peranan masjid pada zaman awal Islam sebagai pusat aktiviti sosial dan ekonomi masyarakat (Ab. Halim Tamuri, 2021).

Selain itu, masjid bertindak sebagai inkubator perniagaan kecil-kecilan untuk komuniti setempat. Melalui program CSR, masjid boleh menyediakan ruang fizikal, mentor perniagaan dan sokongan awal untuk usahawan baharu dalam komuniti. Ini bukan sahaja membantu menjana peluang pekerjaan, tetapi juga menggalakkan semangat keusahawanan dalam masyarakat (Abd Wakil et al., 2024). Menganjurkan pameran dan bazar secara berkala juga membolehkan ahli komuniti mempamerkan dan menjual produk atau perkhidmatan mereka. Masjid al-Busyra di Merbok Kedah sebagai contohnya menyediakan sewaan ‘Food Court’ dan menganjurkan ‘*Merdeka Food Festival*’ bagi memberi peluang kepada komuniti menjana pendapatan mereka (Masjid Al-Busyra Merbok, 2024). Inisiatif ini bukan sahaja menyediakan wadah untuk aktiviti ekonomi, tetapi juga menggalakkan interaksi sosial dan memperkuuh hubungan dalam komuniti (Shahbuddin & Gunardi, 2023).

Di samping itu, masjid yang mempunyai jumlah tabungan baik boleh menubuhkan dana mikrokredit atau sistem pinjaman tanpa faedah untuk membantu ahli komuniti untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan kecil mereka. Sistem yang berdasarkan prinsip-prinsip kewangan Islam ini mampu menjadi alternatif kepada sistem perbankan konvensional dan membantu mengurangkan kebergantungan kepada peminjam wang tidak berlesen (Yacob et al., 2023).

### **Menangani Isu Kemiskinan**

Masjid mempunyai potensi besar dalam menangani isu kemiskinan melalui program-program bantuan dan pemerkasaan ekonomi. Melalui CSR, inisiatif seperti pengagihan zakat, pemberian bantuan kewangan kepada golongan asnaf dan program-program latihan kemahiran untuk membantu golongan miskin (Wahab et al., 2017). Pendekatan ini membuka peluang kepada golongan miskin untuk mendapat bantuan segera dan membolehkan mereka berdikari dalam jangka panjang.

Peranan masjid juga boleh diperluaskan peranannya dalam menangani kemiskinan dengan menubuhkan ‘*Food Bank*’ untuk komuniti. Melalui inisiatif CSR, masjid boleh mengumpul sumbangan makanan daripada syarikat-syarikat perniagaan dan individu, kemudian mengagihkannya kepada keluarga yang memerlukan. Inisiatif ini secara tidak langsung menyemarakkan semangat perkongsian dalam komuniti (Remly et al., 2024). Program ‘keluarga angkat’ juga boleh diperkenalkan di mana masjid menyelaras usaha untuk membantu keluarga miskin dalam komuniti. Usaha ini menuntut sokongan menyeluruh termasuk bantuan kewangan, latihan kemahiran dan bimbingan untuk membantu keluarga tersebut keluar dari garis kemiskinan. Pendekatan holistik ini memberi kesan dalam menangani isu kemiskinan jangka panjang (Ismail et al., 2024).

Selain itu, masjid juga boleh bekerjasama dengan institusi kewangan Islam untuk menawarkan produk kewangan mikro yang patuh syariah kepada golongan miskin. Contohnya skim pembiayaan kecil untuk memulakan perniagaan atau membiayai pendidikan anak-anak. Pendekatan ini mampu membantu golongan miskin mendapatkan akses kepada modal tanpa terjebak dalam hutang berlebihan (Abd Wakil et al., 2024).

### **Pusat Pendidikan dan Latihan**

Peranan masjid boleh diperluaskan menjadi pusat pendidikan dan latihan melalui inisiatif CSR. Ini termasuk menganjurkan kelas-kelas agama, program literasi untuk orang dewasa, kursus bahasa, dan latihan kemahiran hidup (Jusoh et al., 2022). Pendekatan ini selaras dengan fungsi masjid pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat sebagai pusat ilmu dan pembelajaran

(Ab. Halim Tamuri, 2021). Masjid juga boleh menawarkan program pendidikan awal kanak-kanak seperti kelas prasekolah atau taska yang memfokuskan pada pendidikan holistik yang menggabungkan nilai-nilai Islam dengan kemahiran asas. Program seumpama ini boleh membantu perkembangan kanak-kanak dan menyokong ibu bapa bekerja dalam komuniti (Jusoh et al., 2022).

Selain itu, masjid boleh menubuhkan pusat sumber yang menyediakan akses kepada bahan pembelajaran, buku rujukan, dan sumber digital. Penubuhan perpustakaan mini atau pusat komputer yang boleh digunakan oleh pelajar untuk tugas sekolah atau pembelajaran kendiri. Inisiatif ini boleh membantu merapatkan jurang pendidikan dalam komuniti, terutamanya bagi mereka yang mungkin tidak mempunyai akses kepada sumber pembelajaran di rumah (Wahab et al., 2017).

Bagi membantu komuniti meningkatkan pencapaian akademik, penganjuran program mentor seperti kelas tuisyen untuk pelajar boleh dilakukan dengan melibatkan sukarelawan dari komuniti yang bertindak sebagai mentor kepada pelajar, membantu mereka dalam pelajaran dan juga memberikan bimbingan kerjaya. Program sedemikian boleh membantu meningkatkan pencapaian akademik dan juga membantu membina hubungan baik antara generasi dalam komuniti (Khairani Zakariya et al., 2023).

### **Mempromosi Kesihatan dan Kesejahteraan**

Melalui CSR, masjid mempunyai potensi menjadi pusat mempromosi kesihatan dan kesejahteraan komuniti. Ianya boleh dilakukan dengan penganjuran kempen kesedaran kesihatan, pemeriksaan kesihatan percuma dan program-program kesihatan mental. Masjid juga boleh menganjurkan klinik bergerak secara berkala yang menawarkan pemeriksaan kesihatan asas dan khidmat nasihat kesihatan dan perubatan percuma kepada ahli komuniti. Inisiatif ini mampu membantu mengesan masalah kesihatan secara ;ebih awal dan meningkatkan kesedaran komuniti tentang kepentingan penjagaan kesihatan. Bagi menjayakan program ini masjid mungkin boleh bekerjasama dengan klinik-klinik kesihatan dan hospital bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan asas kepada komuniti setempat (Ali, 2017).

Bagi menggalakkan kesejahteraan emosi dalam komuniti, program-program yang melibatkan kesihatan mental sesuai diperkenalkan di masjid. Ini boleh dilakukan dengan penganjuran sesi-sesi kaunseling secara individu atau berkumpulan, bengkel menangani tekanan dan program-program sokongan untuk mereka yang menghadapi masalah kesihatan mental (Khan, 2018). Masjid juga boleh menjadi pusat mempromosi gaya hidup sihat. Penganjuran aktiviti-aktiviti fizikal seperti kelas senaman, acara sukaneka atau kumpulan berbasikal akan menggalakkan kesihatan fizikal dan memberi peluang untuk interaksi sosial dan pembinaan komuniti (Wahab et al., 2017).

### **Pusat Kebajikan dan Kaunseling**

Masjid berpotensi menjadi pusat kebajikan dan kaunseling yang penting untuk komuniti. Melalui CSR, masjid boleh menyediakan perkhidmatan kaunseling, bantuan krisis dan sokongan emosi kepada mereka yang memerlukan (Wahab et al., 2017). Ini termasuk bantuan kepada mangsa keganasan rumah tangga, orang-orang tua yang terbiar atau remaja yang menghadapi masalah sosial. Bagi memperkuat institusi keluarga dalam komuniti, masjid boleh menubuhkan pusat sokongan keluarga yang menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti kaunseling kekeluargaan, program keibubapaan dan sokongan untuk keluarga yang menghadapi masalah (Jusoh et al., 2022).

Program sokongan untuk warga emas juga boleh diperkenalkan di masjid. Ini boleh dilakukan termasuk aktiviti sosial untuk mengurangkan kesunyian, perkhidmatan penjagaan harian dan program '*buddy*' di mana sukarelawan muda ditempatkan dengan warga emas untuk memberi sokongan kepada mereka (Shahbuddin & Gunardi, 2023).

Masjid juga boleh menjadi pusat bantuan krisis dengan cara menyediakan sokongan segera kepada mereka yang menghadapi situasi kecemasan seperti kehilangan tempat tinggal, keganasan rumah tangga atau bencana alam. Dengan kerjasama antara masjid dengan agensi kerajaan, masjid boleh menjadi tempat 'selamat' dan berfungsi menjadi pusat penyelarasaran bantuan untuk mereka yang memerlukan (Remly et al., 2024).

### **Pemeliharaan Alam Sekitar**

CSR masjid juga boleh diperluas kepada isu-isu alam sekitar. Masjid boleh menjalankan program kesedaran alam sekitar, kempen menjaga kebersihan dan projek-projek hijau seperti penanaman pokok atau kitar semula (Khan, 2018). Mengadakan inisiatif 'masjid hijau' dengan menggunakan teknologi mesra alam seperti panel solar, sistem penuaian air hujan dan pengurusan sisa yang efisien adalah langkah terbaik untuk kelestarian alam sekitar dan masjid berfungsi sebagai model dan pusat pembelajaran untuk amalan lestari dalam komuniti (Khan, 2018).

Program pendidikan alam sekitar untuk kanak-kanak dan remaja juga boleh dianjurkan di masjid. Ini boleh termasuk bengkel kitar semula, projek penanaman pokok dan program kesedaran tentang perubahan iklim. Program seumpama ini boleh mendidik generasi muda tentang isu-isu alam sekitar dan membantu membentuk komuniti yang sedar akan kepentingan memelihara kelestarian alam (Ismail et al., 2024).

Masjid juga boleh mewujudkan 'kebun komuniti' di kawasan sekitarnya. Projek ini membantu mewarnai lanskap laman masjid dan juga boleh menjadi sumber sayuran yang segar untuk komuniti. Ia juga menyediakan peluang untuk ahli komuniti belajar tentang pertanian lestari dan bekerjasama dalam projek komuniti (Yacob et al., 2023).

### **Pusat Teknologi dan Inovasi**

Dalam era digital, masjid boleh memainkan peranan sebagai pusat teknologi dan inovasi untuk komuniti. Melalui CSR, masjid boleh menyediakan akses kepada komputer dan internet, kelas literasi digital, dan program-program berkaitan teknologi untuk pelbagai peringkat umur (Wahab et al., 2017). Ini dapat membantu merapatkan jurang digital dalam komuniti. Masjid juga boleh menawarkan kursus '*content creator*' dan pembangunan perisian untuk belia dan orang dewasa. Dengan bekerjasama dengan syarikat-syarikat swasta dan badan-badan kerajaan, kursus-kursus ini boleh membantu ahli komuniti mendapat kemahiran yang diperlukan dalam ekonomi digital moden (Abd Wakil et al., 2024).

Masjid juga boleh menjadi pusat untuk memperkenalkan dan mempromosikan teknologi baru yang memberi manfaat kepada komuniti seperti demonstrasi teknologi tenaga boleh diperbaharui, sistem pertanian pintar atau aplikasi kesihatan digital. Inisiatif seumpama ini boleh membantu komuniti mengikuti perkembangan teknologi terkini (Wahab et al., 2017).

### **Pembangunan Belia dan Kesukarelawanan**

Bagi menarik golongan belia mendekati masjid dan pembentukan modal insan komuniti, masjid boleh berfungsi sebagai pusat pembangunan belia dan menggalakkan semangat

kesukarelawanan melalui program-program CSR. Aktiviti-aktiviti belia, program kepimpinan dan projek-projek komuniti yang melibatkan sukarelawan muda dianjurkan akan memberi manfaat kepada belia dalam komuniti (Khairani Zakariya et al., 2023). Program-program seperti kepimpinan belia yang menggabungkan prinsip-prinsip Islam dengan kemahiran kepimpinan moden boleh dianjurkan. Sebagai contohnya ceramah dan bengkel pembinaan sahsiah peribadi, projek khidmat masyarakat dan membuka ruang untuk belia mengambil peranan memimpin aktiviti-aktiviti yang diadakan di masjid (Khairani Zakariya et al., 2023). Selain itu, program pertukaran belia antara masjid di kawasan atau negeri berbeza juga boleh dianjurkan. Program seumpama Ini akan memberi peluang kepada belia untuk memperluas perspektif mereka, belajar tentang komuniti lain dan membina ‘*networking*’ yang lebih luas. Program-program ini juga boleh membantu membentuk perpaduan dan persefahaman antara komuniti yang berbeza (Jusoh et al., 2022).

Bagi menyemarakkan semangat kesukarelawanan dan tolong menolong dalam komuniti, masjid juga boleh menuju 'bank masa' sukarelawan di mana ahli komuniti boleh menyumbangkan masa, kebolehan dan kemahiran mereka untuk membantu orang lain. Sebagai imbalannya mereka akan menerima bantuan apabila mereka pula yang memerlukannya (Ali, 2017).

Kesimpulannya, peranan masjid dalam memacu pemerkasaan komuniti melalui CSR adalah bersifat pelbagai dan mempunyai potensi yang besar. Dengan mengambil pendekatan yang holistik dan inovatif, masjid bukan sahaja dapat memenuhi fungsi tradisionalnya sebagai tempat ibadah, tetapi juga mampu menjadi pusat pembangunan komuniti yang komprehensif. Selaras dengan konsep masjid sebagai satu institusi yang memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial, ekonomi dan spiritual masyarakat Islam.

## Kesimpulan

Masjid di Malaysia memainkan peranan yang penting dalam memacu pemerkasaan komuniti melalui pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR). Pengimaranan sebuah Masjid dalam melaksanakan aktiviti CSR tidak hanya bergantung kepada individu yang menerajui kepimpinan masjid semata-mata malahan ianya juga perlu dibantu oleh pelbagai lapisan masyarakat. Secara umumnya, masjid di Malaysia berpotensi besar dalam memacu pemerkasaan komuniti melalui pelaksanaan CSR yang menyeluruh dan inklusif. Institusi masjid telah memainkan peranan utama dalam memacu pemerkasaan komuniti melalui CSR seperti masjid sebagai pusat pembangunan sosial dan ekonomi, institusi yang membantu menangani isu kemiskinan, pusat kesihatan dan pendidikan, pusat mempromosi kesihatan dan kesejahteraan pembangunan belia dan kesukarelawanan, pusat kebajikan dan kaunseling, pusat pemeliharaan alam sekitar, pusat teknologi dan inovasi serta pembangunan belia dan kesukarelawanan. Kesimpulannya, masjid bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah tetapi juga sebagai pusat pembangunan komuniti yang holistik, menyokong pelbagai aspek kehidupan sosial, ekonomi, dan rohani masyarakat. Melalui inisiatif CSR yang strategik, masjid dapat memainkan peranan penting dalam memperkasa komuniti dan meningkatkan kesejahteraan keseluruhan.

## References

- Abdul Razak, A. M., Mohd Khairil, A. A. L., & Ezry Fahmy, E. Y. (2010). Isu dan Cabaran Institusi Masjid Dalam Pembentukan Sahsiah Remaja Di Era Globalisasi Dan Cadangan Penyelesaiannya. *Seminar Kebangsaan Pengajian dan Pembelajaran Berteraskan Masjid*.
- Ab. Halim Tamuri. (2021). Konsep Dan Pelaksanaan Fungsi Masjid Dalam Memartabatkan Masyarakat. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 1-12.
- Abd Shukor, M. A. (2008). *Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Berasaskan Masjid: Satu Kajian Di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang, Bandar Tasik Puteri, Rawang, Selangor*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd Wakil, M. N., Ab Rahman, A., & Baharuddin, A. S. (2024). Empowering Mosque Institutions as Local Economic Aid Centers in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(2), 115-126.
- Admin PMWP. (2019, August 5). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan – Bayan Linnas Siri Ke-206: Pengimaranan Masjid: Tugas kita. *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3618-bayan-linnas-siri-ke-206-pengimaranan-masjid-tugas-kita>
- Ali, M. (2017). The role of mosques in providing social welfare services: A case study of Malaysia. *Asian Social Work and Policy Review*, 11(1), 29-45. <https://doi.org/10.1111/aswp.12068>
- Ismail, A. G., Daud, A. H. M., Nasir, N. S. M., Omar, N., Azzan, N. A., Rahman, N. S. A., & Azmin, U. S. (2024). Empowering Mosque Cooperatives for Development of The Ummah. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 11(2), 89-102.
- Istiqomah, & Elyvia Widya Swarani. (2022). Pendidikan dan Pendidik Pada Zaman Nabi Muhammad SAW. *Pedagogika: Jurnal Ilmu-Ilmu Kependidikan*, 2(1), 126-131. <https://doi.org/10.57251/ped.v2i1.399>
- Jusoh, M. S. M., Jamaludin, A. K., & Samah, M. N. (2022). Elemen-elemen Keberkesanan Program Pengimaranan Masjid Era Kontemporer: Kajian Analisis Keperluan. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 76-82.
- Kamaruddin, N. (2023). Peranan Dana Masjid Dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Setempat. In *Proceedings of the International Conference on Syariah & Law (ICONSYAL 2023)*.
- Khan, S. (2018). Charitable Activities of Contemporary Mosques: A Social Responsibility Perspective. *Journal of Islamic Social Services*, 14(3), 215-230.
- Lokman Ab. Rahman. (2000). *Imarah Masjid Masa Kini*. Penerbitan Bersama JAIM dan MAIM.
- Mahamood, S. F. (2003). Institusi Maklumat dan Keilmuan. *Bengkel Pengajaran Kursus Pendidikan Islam Semester 03 Peringkat Diploma*. CITU Shah Alam.
- Masjid Al-Busyra Merbok. (2024). *Merdeka Food Festival event poster*. Facebook. Retrieved August 15, 2024, from <https://www.facebook.com/masjidalbusyra>
- Md Radzi, M. B., & Yaacob, S. E., & Ahmad, A. A. (2023). Masjid Sebagai Alternatif Pusat Penjanaan Ekonomi Masyarakat Setempat: Satu sorotan literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 8(1), 36-41. <https://doi.org/10.26475/jcil.2023.8.1.05>
- Nordin, A. B., Mustaffa, C. S., & Ahmad, M. K. (2016). Konsep tanggungjawab sosial korporat bercirikan Islam: Analisis pandangan ulama di Malaysia. *Management Research Journal*, 6(1), 8-21.
- Noresah, B. (2007). Kamus Dewan (Edisi Keempat). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qalaji, M. R., & Qunaibi, H. S. (1985). *Mukjam al-lughat al-fuqaha'*. Beirut: Darul Nafais.

- Remly, M. R., Sabaruddin, S. N. A., & Adenan, F. (2024). Cabaran kepimpinan dalam pengimaranan institusi masjid: Kajian kes di Masjid Cemerlang. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(3), 26-36.
- Shahbuddin, Z. H. S., & Gunardi, S. (2023). Tinjauan literatur sistematik terhadap peranan institusi masjid di Malaysia: Systematic literature review on the role of mosque institutions in Malaysia. *'Abqari Journal*, 29(1), 54-71.
- Surat, M., Abdullah, N. A. G., Usman, I. M. S., Tawil, N. M., & Ismail, A. H. (2011). Kajian dan analisis terhadap asas dan akar rekabentuk masjid-masjid warisan di Alam Melayu. *Journal of Design+ Built*, (2).
- Su'ad Mahir, M. (n.d.). *Masajid Misr wa Awliya al-Solihin*. Kaherah: Misr al Arabiyyah.
- Wahab, N. A. A., Hamid, N. A., & Man, N. C. (2017). Pemerkasaan peranan masjid di Malaysia era kontemporari. *e-Academia Journal*, 5(2).
- Wahid, H., Nor, N. G. M., Ahmad, J., & Ahmad, S. (2009). Masjid dan pembentukan modal sosial: Apakah faktor penentu aktivism masjid. *Prosiding Bengkel Penyelidikan Gunaan dalam Ekonomi Islam*, 1-9.
- Yacob, Y. B., Ali, J. K. B., Lajuni, N., Radzi, M. B. B. M., Said, M. S. A. B., Pakasa, U. I., & Jusoh, I. N. (2023). Peranan koperasi kariah masjid dalam memperkasakan sosio ekonomi umat Islam: Isu dan cabaran. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 14, 90-95.
- Zakariya, K., Abdullah, S., & Abdul Hamid, M. S. (2023). *Institusi Masjid dan Surau dalam Pembangunan Akhlak Remaja*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohani M.M., & Yusoff, A. S. (2015). Tahap Kesediaan Pelajar Dalam Penggunaan Teknologi, Pedagogi, Dan Kandungan (TPACK) Dalam Pembelajaran Kurikulum di IPT. *Proceeding of the 3rd International Conference on Artificial Intelligence and Computer Science*, Pulau Pinang.